

**TITAH UCAPAN**

**DULI YANG MAHA MULIA  
YANG DI-PERTUAN BESAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**DI ISTIADAT PERSIDANGAN PERTAMA (PERASMIAN)  
PENGGAL KETIGA,  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KE-15**

**PADA 24 APRIL 2025**

***Bismillahhir Rahmanir Rahim.***

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera.**

**Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri  
Sekalian.**

1. Segala puji bagi Allah yang Maha Memiliki dan Menguasai semesta alam. Maha Suci Allah yang telah menciptakan langit dan bumi, menjadikan siang serta malam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda.
  
2. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan kekuasaan-Nya Beta dapat berangkat merasmikan Istiadat Pembukaan Persidangan Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Ke-15 pada pagi yang berbahagia ini.

### **Pendahuluan**

3. Setinggi-tinggi harapan Beta, bersama seluruh rakyat Negeri Sembilan, agar keharmonian dan kesejahteraan negeri akan terus dipelihara melalui kepimpinan yang penuh dedikasi Menteri Besar, Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Bin Harun, bersama barisan Exco Kerajaan

Negeri. Kerjasama yang kukuh dalam **Kerajaan Perpaduan** terus memberi impak yang amat membanggakan Beta, di mana prestasi yang ditunjukkan sepanjang tahun 2024 terus mencerminkan pencapaian yang luar biasa.

### **Prestasi Ekonomi dan Kewangan Negeri**

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

4. Prestasi ekonomi negeri terus mencatatkan perkembangan yang memberangsangkan. Pada tahun 2022, KDNK Negeri Sembilan adalah bernilai RM50.9 bilion dan pada tahun 2023, ia telah meningkat sebanyak 1.8 peratus dengan nilai RM51.9 bilion. Jumlah KDNK Negeri Sembilan dipacu oleh Sektor Perkhidmatan yang telah menyumbang sebanyak 52.9 peratus, dan Sektor Pembuatan dengan sumbangan berjumlah 37.8 peratus. Sektor-sektor lain yang turut membantu KDNK Negeri Sembilan adalah Sektor Pertanian, Sektor Pembinaan dan Sektor Perlombongan dan Kuari.

5. Dalam aspek pengurusan kewangan, Negeri Sembilan telah mencapai prestasi yang amat membanggakan pada tahun 2024. Buat julung-julung kalinya Kerajaan Beta mencatatkan kutipan hasil tertinggi,

iaitu sebanyak **RM636.17** juta berbanding sasaran RM520 juta. Pencapaian ini diperolehi untuk tahun ketiga berturut-turut di mana Kerajaan Beta berjaya mengubah belanjawan defisit kepada belanjawan surplus. Pada tahun 2024, defisit RM46.9 juta telah di ubah kepada **surplus RM83.07 juta**. Ini mengukuhkan lagi kedudukan rizab Negeri bagi Akaun Hasil Disatukan iaitu daripada RM410.48 juta pada tahun 2023 kepada **RM493.55 juta** pada tahun 2024. Syabas dan tahniah Beta ucapkan kepada semua jabatan-jabatan pemungut hasil, khususnya Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri selaku peneraju utama. Beta berharap pihak Kerajaan akan terus merangka strategi dan mencari sumber-sumber baharu dalam usaha meningkatkan lagi kutipan hasil Negeri Sembilan.

6. Beta juga ingin mengucapkan tahniah atas peluncuran **Pelan Pengurusan Kewangan MADANI** yang telah dirangka oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri pada tahun 2024 yang menggariskan enam (6) Nilai Teras di bawah prinsip **Al-Qawiyy Al-Amin** dan **Al-Hafizul Al-Alim** iaitu:

- i. kuat (sihat);
- ii. integriti;
- iii. amanah;

- iv. berilmu;
- v. kompeten; dan
- vi. bijaksana.

Pelan ini juga menggariskan tiga (3) Key Result Area (KRA) iaitu:

- i. Pengumpulan dan Penjanaan Kekayaan;
- ii. Perlindungan dan Pengagihan Kekayaan; serta
- iii. Pemantauan Kekayaan.

Pelan Pengurusan Kewangan MADANI akan dilaksanakan melalui **49 inisiatif** yang telah digariskan. Kejayaan pelaksanaan pelan ini adalah bergantung kepada komitmen yang jitu dan sinergi yang mantap oleh semua kakitangan Kerajaan Negeri. Ia akan membolehkan Kerajaan Negeri Sembilan mencapai cita-cita besar iaitu memperolehi hasil sebanyak **RM1 bilion** pada tahun 2030.

7. Selain itu, Beta juga berpuas hati dengan prestasi perbelanjaan pembangunan yang menunjukkan peningkatan perbelanjaan sebanyak **RM127.23 juta** iaitu **97.89 peratus** daripada peruntukan. Di sini Beta ingin mengingatkan kepada Ketua-ketua Jabatan terutamanya pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan agar sentiasa memantau dan memastikan pelaksanaan projek mengikut jadual. Dalam masa yang sama, nilai

integriti juga harus terus dipelihara. Projek-projek pembangunan yang dilaksanakan ini bukan sahaja menggambarkan kemajuan Negeri Beta, malah yang lebih penting, ia memberi faedah dan manfaat yang dapat dinikmati secara terus oleh rakyat Beta.

## **Belanjawan 2025**

8. Kerajaan Beta juga telah membentangkan Belanjawan Berimbang Tahun 2025 sebanyak RM590 juta. Belanjawan ini turut merangkumi perbelanjaan pembangunan sebanyak **RM135 juta** dan daripada jumlah itu, sebanyak **RM96.2 juta** diperuntukkan bagi pelaksanaan pelbagai inisiatif merangkumi sembilan (9) **Bidang Tumpuan** iaitu:

- i. Kemampanan Ekonomi Rakyat;
- ii. Keterjaminan Makanan;
- iii. Pendidikan;
- iv. Pemerksaan Komuniti;
- v. Kerohanian dan Agama;
- vi. Pemerksaan Belia, Wanita dan Sukan;
- vii. Pelancongan, Adat dan Budaya;
- viii. Kelestarian Alam Sekitar; dan

ix. Kebajikan dan Kesihatan.

Selain itu sebanyak **RM29.75 juta** turut disediakan khusus untuk kesejahteraan rakyat melalui **Skim Sejahtera Rakyat**. Skim ini menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif kepada semua golongan rakyat, bermula daripada bayi sehingga ke warga emas tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik.

### **Projek Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas**

9. Kerajaan Negeri juga telah diluluskan beberapa projek-projek utama oleh Kerajaan Persekutuan dalam Rolling Plan Kelima Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP5 RMK12). Jumlah peruntukan yang diterima mencecah nilai **RM1.87 bilion** ini, melibatkan beberapa projek-projek utama seperti:

- i. Membina Persimpangan Bertingkat Baharu Lebuhraya Utara - Selatan di KM276.5;
- ii. Menaiktaraf Jalan Pedas ke Sungai Gadut;
- iii. Menaiktaraf Jalan Bahau;
- iv. Membina Jalan Menghubungkan Melang dengan Senaling di Kuala Pilah;
- v. Pembinaan Klinik Kesihatan di Labu;

- vi. Pembinaan Tangki Air Baharu Hospital Tuanku Ja'afar Seremban; dan
- vii. Pembinaan Infrastruktur Ekopelancongan Skywalk Silara Hutan di Taman Eko Rimba Pasir Panjang.

10. Kini, Rancangan Malaysia Ke-12 telah memasuki fasa terakhir dan Kerajaan Persekutuan juga sedang memuktamadkan Rancangan Malaysia Ke-13 di mana langkah-langkah radikal dan berani akan diambil untuk mencapai matlamat jangka panjang, iaitu Pendapatan Tinggi dan Saksama; Alam Sekitar Lestari; serta Hidup Berkualiti dan Mampan.

### **Inisiatif Pelaburan**

11. Beta yakin Negeri Sembilan akan terus menjadi destinasi pelaburan utama di Malaysia. Bagi tahun 2024, Negeri Sembilan merekodkan nilai pelaburan yang diluluskan sebanyak **RM7.25 bilion** yang terdiri daripada **RM3.43 bilion** pelaburan asing dan **RM3.82 bilion** pelaburan domestik. Pelaburan ini mampu mewujudkan lebih **4,600** peluang pekerjaan di Negeri Sembilan.

12. Salah satu pelaburan yang boleh dibanggakan ialah Projek F&N Agrivalley oleh Fraser & Neave Holdings Bhd. (F&N) yang sedang giat dibangunkan di ladang seluas **2,726 hektar** dengan pelaburan bernilai **RM1 bilion**. Ladang ini yang akan menempatkan 20,000 ekor lembu tenusu berpotensi menghasilkan 200 juta liter susu segar setahun. Jumlah ini di jangka mampu memenuhi permintaan bagi pasaran tempatan dan antarabangsa. Perusahaan mega ini turut mampu menggalakkan pertumbuhan industri pertanian tempatan dan menyediakan kira-kira 600 peluang pekerjaan dengan sebahagiannya merupakan tenaga kerja mahir.

13. Bagi memperkuatkukan lagi Negeri Sembilan sebagai destinasi pelaburan utama di negara ini, satu inisiatif baharu Negeri Sembilan Fast Lane (**N9 Fast Lane**) sedang dirangka. Ianya adalah pendekatan untuk mempercepatkan proses kelulusan dan menyediakan kemudahan yang lebih efisien bagi pelabur dan usahawan yang ingin menjalankan projek di Negeri Sembilan. Program Fast Lane ini memberi ruang kepada pelabur untuk menikmati proses yang lebih cepat dan lancar dalam mendapatkan permit, lesen, dan kelulusan berkaitan dengan projek mereka.

## **Malaysia Vision Valley 2.0 terus kekal sebagai Pemangkin Pembangunan Negeri Sembilan**

14. **Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV 2.0)** terus menjadi pemangkin utama pembangunan Negeri Sembilan dengan tumpuan kepada pembangunan kawasan industri bagi meningkatkan jumlah pelaburan, melonjakkan ekonomi, dan seterusnya membuka lebih banyak peluang pekerjaan. MVV 2.0 secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan Negeri melalui bayaran premium tanah pada tahun 2024. Antaranya adalah NS Semiconductor Valley yang telah menyumbang RM40 juta, Techpark 3 sebanyak RM40 juta dan SPD Techvalley sebanyak RM30 juta. Lebih mengujakan, bagi tempoh mendatang, beberapa projek pembangunan kawasan perindustrian akan direalisasikan bagi menyokong agenda pembangunan ini.

15. Kerajaan Negeri Beta terus mengorak langkah melalui Inisiatif Pembangunan Kluster Industri Wilayah Tengah yang disokong penuh oleh Kerajaan Persekutuan dengan kelulusan di peringkat **Majlis Pelaburan Negara**. Inisiatif ini merangkumi **Negeri Sembilan, Selangor, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** dengan objektif bagi mewujudkan identiti kluster industri, khusus dalam sektor pembuatan melalui usahasama dan sinergi kolaborasi antara negeri. Ini akan memacu pelaburan bersasar bertujuan menarik pelaburan asing dan

domestik dengan lebih berkesan ke rantau ini. Usaha ini adalah sejajar dengan agenda yang diterapkan dalam New Industrial Master Plan (NIMP) 2030.

### **Inisiatif Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat**

16. **Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan (PKNNS)** telah memperkenalkan pelbagai inisiatif dan program untuk membantu meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat, khasnya program sokongan kepada usahawan kecil dan sederhana (PKS). Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) telah diperkenalkan pada tahun 2019. TUNS adalah bantuan pembiayaan dalam bentuk geran berjumlah sehingga RM3,000.00 yang disasarkan kepada penjaja dan peniaga kecil di Negeri Sembilan. Dari tahun 2019 hingga tahun 2024, inisiatif TUNS telah diterima oleh **6,459 usahawan kecil** dan daripada jumlah itu, seramai **324 usahawan kecil** telah menerimanya pada tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak **RM1 juta**. Inisiatif ini telah membantu para penerima untuk mengembangkan perniagaan dan menjana pendapatan yang lebih stabil.

17. PKNNS juga meneruskan pelaksanaan program Rumah Harapan Rakyat yang telah dimulakan sejak 2021. Program ini adalah kemudahan

pinjaman tanpa faedah kepada golongan B40 yang masih belum memiliki rumah dan ingin membina rumah di atas bidang tanah masing-masing. Dari tahun 2021 hingga 2023, sebanyak 167 unit Rumah Harapan Rakyat telah siap dibina dan diserah kepada peserta. Manakala, pada tahun 2024 pula, sebanyak 45 unit rumah telah diluluskan untuk dibina.

18. Bagi menzahirkan komitmen kepada rakyat yang berkeperluan, Kerajaan Negeri telah menetapkan syarat pembinaan Rumah Mampu Milik dalam semua projek pembangunan perumahan di Negeri Sembilan melalui pelaksanaan Dasar Perumahan Negeri Sembilan. Sejak tahun 2018 sehingga 2024, sebanyak 26,548 unit Rumah Mampu Milik telah diberikan kelulusan Kebenaran Merancang bagi pembinaan di seluruh Negeri Sembilan. Berdasarkan inisiatif ini, sebanyak 1,277 isi rumah telah berjaya memiliki rumah Type A yang berharga RM80,000.

19. Yayasan Negeri Sembilan pula memainkan peranan yang penting dalam menyokong pembangunan pendidikan anak-anak Negeri Sembilan terutamanya kepada golongan yang kurang bernasib baik. Pada tahun 2024, Yayasan Negeri Sembilan telah membelanjakan dana berjumlah **RM15.22 juta** bagi program Bantuan Pembangunan Pendidikan anak-

anak Negeri Sembilan, Insentif Kecemerlangan dan Pembiayaan Pengajian TVET di Kolej Yayasan Negeri Sembilan.

### **Kelestarian Pembangunan Modal Insan**

20. Perkembangan pendidikan STEM dan TVET di Negeri Sembilan berada di tahap yang baik. Peratusan kemasukan pelajar tingkatan empat ke aliran STEM di sekolah-sekolah adalah pada kadar 57.11 peratus pada tahun 2024. Ini menunjukkan lebih separuh daripada murid-murid tingkatan empat memilih aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik. Sementara itu, kemasukan pelajar di tujuh buah sekolah teknik dan vokasional juga memuaskan apabila lebih daripada 4,000 murid telah mendaftar pada setiap tahun 2022 dan 2023.

21. Selain sekolah teknik dan vokasional, institusi yang terlibat dalam pembangunan TVET di Negeri Sembilan juga ialah Kolej Yayasan Negeri Sembilan (KYNS) dan Negeri Sembilan Skills and Development Centre (NSSDC). Kedua-dua institusi ini memainkan peranan penting dalam penyediaan bakat TVET di Negeri Sembilan dengan menyediakan platform latihan bagi pelajar lepasan SPM dan para pekerja industri. Usaha ini mampu melahirkan pekerja berkemahiran dan berkualiti serta relevan dengan keperluan industri.

22. Beta amat menghargai usaha Kerajaan Beta dalam mengutamakan agenda memartabatkan pendidikan. Beta telah disembah maklum bahawa Program *Fast Track Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)* Lepasan Tahfiz Negeri Sembilan akan diteruskan. Dengan peruntukan sebanyak **RM500 ribu** yang dimulakan sejak tahun 2021, seramai 221 orang pelajar lepasan tahfiz telah menerima manfaat daripada program ini dan telah berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di dalam Negara dan di luar negara.

### **Pembangunan Syiar Islam**

23. Beta bersyukur ke hadrat llahi atas perkembangan syiar Islam yang semakin pesat di Negeri Sembilan. Kejayaan ini adalah hasil usaha gigih semua pihak, termasuk pemimpin agama, masyarakat, dan Kerajaan Negeri. Pelbagai inisiatif dalam Belanjawan Negeri mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri Sembilan dalam memelihara dan meletakkan syiar Islam di peringkat tertinggi.

- i. Peruntukan tambahan kepada Guru KAFA dan Guru Takmir;
- ii. pembayaran elauan kepada bilal, siak dan pembantu am wanita;

iii. caruman PERKESO; serta

iv. projek naik taraf, baik pulih dan bina baharu infrastruktur agama seperti sekolah, masjid dan surau, menunjukkan betapa Kerajaan Beta mengambil berat tentang pembangunan syiar Islam di negeri ini.

24. Sehingga tahun 2024, negeri ini mempunyai **311 buah masjid** dan **1,204 buah surau** untuk rakyat Beta dan pengunjung luar mendirikan ibadah dengan selesa. Beta juga difahamkan ada pertambahan masjid baharu yang akan dibina pada tahun ini. Memandangkan kita mempunyai banyak masjid, maka suka Beta sarankan agar Kerajaan dapat mengangkat mana-mana masjid warisan yang ada di negeri ini sebagai produk pelancongan. Secara tidak langsung langkah ini dapat meningkatkan sosio ekonomi terutama penduduk luar bandar dengan kehadiran pelancong-pelancong dari luar ke tempat mereka.

25. Sementara itu Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) terus komited dalam memperkuuhkan pengurusan zakat, wakaf, serta harta orang Islam demi kebajikan umat Islam di Negeri Sembilan. Tahun 2024, kutipan zakat berjumlah **RM161.62 juta**. Agihan zakat kepada asnaf dan

golongan yang memerlukan mencecah **RM179.69 juta**. Sementara itu bagi kutipan wakaf, MAINS berjaya mengumpul lebih kurang **RM5.5 juta** dengan agihan **RM2.18 juta** untuk pembangunan dan kebajikan masyarakat Islam merangkumi sektor pendidikan, kesihatan, sosioekonomi dan pengembangan harta.

26. MAINS juga terus berinovasi melalui digitalisasi dalam perkhidmatan teras termasuk urusan zakat, wakaf, pengurusan harta orang Islam dan kaunseling. Pendigitalan seperti Aplikasi Mudah Alih MyAmil, Aplikasi MAINS Pay, Aplikasi MyWaghih dan Aplikasi e-Terapi Keluarga Sakinah, akan meningkatkan ketelusan, kecekapan dan kemudahan kepada masyarakat, selari dengan hasrat menjadikan MAINS sebagai sebuah institusi yang responsif dan progresif.

### **Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026**

27. Negeri Sembilan mempunyai keindahan alam semula jadi dan pantai yang menerima kunjungan saban hari, kaya dengan warisan dan adat serta kepelbagaian budaya dan identiti tersendiri. Justeru, sektor pelancongan merupakan sumber ekonomi mampan dan lestari bagi Negeri Sembilan. Ini dibuktikan dengan kehadiran pelancong yang terus

meningkat iaitu daripada 11.5 juta orang pada tahun 2022 kepada 15 juta orang pada tahun 2023 dengan peningkatan sebanyak 30.2 peratus.

28. Melihat kepada perkembangan ini, Beta telah disembah maklum bahawa Negeri Sembilan menyasarkan kedatangan 20 juta pelancong pada tahun ini. Sasaran ini adalah bertepatan dengan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 dan **Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026**. Tiga (3) produk pelancongan yang harus diberi tumpuan adalah pantai peranginan di Port Dickson, produk eko pelancongan, dan keunikan budaya adat perpatih yang terdapat di setiap daerah di negeri ini. Beta berharap Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 dapat memperkenalkan Negeri Sembilan dengan lebih meluas lagi dan memberi impak positif terhadap ekonomi masyarakat setempat.

## **Penutup**

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

29. Setelah mendapat mandat rakyat, kamu perlu memikul tanggungjawab untuk memimpin rakyat ke arah sebuah negeri yang bersatu, sejahtera, dan makmur. Fokuskan usaha kamu kepada projek-projek yang telah dirangka dan pastikan ianya memberi manfaat kepada rakyat. Ingatlah bahawa setiap tindakan dan keputusan kamu sentiasa

diperhati oleh rakyat. Dengan kemajuan dunia digital tanpa sempadan, segala yang dilakukan mudah diketahui. Oleh itu, berbahaslah dengan penuh rasional, intelektual, dan pastikan setiap hujah yang dikemukakan memberikan manfaat kepada masyarakat dan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat.

30. Akhir titah, Beta mengingatkan Ahli Dewan yang mulia ini agar sentiasa menghayati, melindungi, memelihara dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan. Peraturan-Peraturan Tetap Dewan juga hendaklah sentiasa dipatuhi semasa berhujah dan sepanjang persidangan berlangsung. Berpeganglah kepada prinsip mendahuluikan kepentingan dan kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negeri dalam setiap hujah yang disampaikan.

31. Beta dan Tunku Ampuan Besar sentiasa berdoa semoga Allah S.W.T akan sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada seluruh rakyat Beta untuk terus dilimpahi kemakmuran yang berkekalan.

32. Dengan lafaz suci *BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM*, Beta merasmikan Pembukaan Persidangan Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri ke-15.

Sekian.

*Wabillahitaufik      Walhidayah      Wassalamualaikum      Warahmatullahi  
Wabarakatuh.*